

**Pelaksanaan Pengajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu  
di Dalam Bilik Darjah di Madrasah Ibtida'iyyah, (MI)  
Kota Batam, Indonesia**

(The Implementation of Teaching Arabic-Malay Writing Programme in the Classroom at  
Madrasah Ibtida'iyyah, (MI) Kota Batam, Indonesia)

MAIMUN AQSHA LUBIS, IKWAN SE, HAMDAN ARMAN, MD YUSOFF DAUD\* & SABARIAH SULAIMAN

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan pengajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah di Madrasah Ibtida'iyyah (MI), Kota Batam, Indonesia. Aspek yang dikaji ialah (1) masalah yang dihadapi oleh guru-guru program pelajaran tulisan Arab Melayu dan (2) pencerapan pengajaran berstruktur terhadap 5 orang guru di dalam bilik darjah. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik terhadap 45 orang guru program pelajaran tulisan Arab Melayu yang merangkumi 21 Madrasah Ibtida'iyyah (MI) di Kota Batam, Indonesia. Pencerapan pengajaran berstruktur juga telah dijalankan terhadap lima orang guru dengan tiga kali pencerapan bagi setiap orang guru. Data dianalisis secara kuantitatif menggunakan min dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru program pelajaran tulisan Arab Melayu berada pada tahap yang sederhana ( $min=2.82$   $sp=1.66$ ), merangkumi empat aspek, iaitu aspek pengetahuan, aspek kesediaan, aspek sokongan dan aspek kemahiran. Berdasarkan hasil pencerapan terhadap lima orang guru secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana ( $min=2.99$ ). Aspek yang dicerap ialah perancangan, pelaksanaan, set induksi, pendekatan, kaedah, teknik pengajaran serta penilaian, penutup dan penilaian keseluruhan. Dapatkan kajian ini dapat menjelaskan tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru program pelajaran tulisan Arab Melayu di Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia dan diharapkan dapat membantu mereka mencari jalan penyelesaian berhubung permasalahan yang mereka hadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut di dalam bilik darjah. Beberapa cadangan untuk meningkatkan keberkesanan program pelajaran tulisan Arab Melayu telah dikemukakan, iaitu guru seharusnya mempertingkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran serta standard piawaian pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian ini diharapkan dapat menambah baik pelaksanaan pengajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu di Kota Batam, Indonesia.*

*Kata Kunci:* Masalah pengajaran, Pencerapan pengajaran, Tulisan Arab Melayu, Standard piawaian pengajaran dan pembelajaran

**ABSTRACT**

*This study aimed at identifying the teaching implementation of the Arabic-Malay writing education programme in the classrooms at Madrasah Ibtida'iyyah (MI), Kota Batam, Indonesia. The aspects studied were (1) the problems faced by the teachers of the Arabic-Malay writing education programme and (2) structured teaching observation of five teachers in the classroom. Data were collected using questionnaires distributed to 45 teachers of the Arabic-Malay writing education programme that covered 21 Madrasah Ibtida'iyyah (MI) in Kota Batam, Indonesia. Structured teaching observations were also conducted on five teachers with three observations carried out for each teacher. Data were analysed quantitatively using mean and standard deviation to answer the research questions. Results showed that the problems faced by the teachers of the Arabic-Malay writing education programme were at the moderate level ( $mean = 2.82$ ,  $s.d.=1.66$ ) covering fourth aspects, namely knowledge aspect, readiness aspect, support aspect and skill aspect. Overall, observations on the five teachers gave results that were at the moderate level ( $mean = 2.99$ ). The aspects observed were planning, implementation, set induction, approach, method, teaching techniques as well as evaluation, ending and overall evaluation. The findings of this study could explain the problems faced by the teachers of the Arabic-Malay writing education*

*programme at the Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia and it is hoped that it would help them in finding solutions in relation to the problems that they face in implementing the teaching and learning of the subject in the classroom. Several recommendations to enhance the effectiveness of the Arabic-Malay writing education programme have been proposed, namely the teachers should improve the teaching and learning techniques and*

*the teaching and learning standard in the classroom. It is expected that this study would improve the teaching implementation of the Arabic-Malay writing education programme in Kota Batam, Indonesia.*

**Keywords:** *Teaching problem, Teaching observation, Arabic-Malay writing, Teaching and learning standard*

## PENDAHULUAN

Kota Batam ialah kota terbesar di Kepulauan Riau dengan populasi penduduk ketiga terbesar di Kepulauan Sumatera selepas Medan dan Palembang. Menurut Dinas Kependudukan dan Catatan Sipil (2012), penduduk Kota Batam ketika ini mencapai 1,149,902 orang. Kota Batam terdiri daripada tiga pulau iaitu Batam, Rempang dan Galang yang dihubungkan oleh Jambatan Barelang dan merupakan sebuah kota yang sangat strategik kedudukannya, iaitu di tengah laluan pelayaran antarabangsa. Islam merupakan agama majoriti penduduk di Kota Batam, dengan jumlah penganut sebanyak 76.69% dari seluruh penduduk Kota Batam, diikuti oleh penganut Kristian (17.02%), Buddha (5.79%), dan Hindu (0.40%).

Merujuk kepada sistem persekolahan pula, setiap warganegara Indonesia berusia 7 hingga 15 tahun wajib mengikuti pendidikan dasar, iaitu Sekolah Dasar (SD) atau yang setara dengannya selama enam tahun dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau yang setara dengannya selama tiga tahun (Dinas Pendidikan Kota Batam 2012). Madrasah Ibtidaiyyah (MI) berdasarkan pendidikan formal yang setara dengan Sekolah Dasar (SD). Pengelolaannya dilakukan oleh Kementerian Agama. Tempoh pendidikan di Madrasah Ibtidaiyyah (MI) adalah selama enam tahun, iaitu bermula dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Lulusan Madrasah Ibtidaiyyah (MI) dapat melanjutkan pelajaran ke Madrasah Tsanawiyah (MTs) atau Sekolah Menengah Pertama (SMP). Dari segi kurikulum, Madrasah Ibtidaiyyah (MI) menggunakan kurikulum yang sama dengan kurikulum di Sekolah Dasar (SD). Namun kurikulum Madrasah Ibtidaiyyah (MI) ditambah dengan pendidikan agama Islam seperti Al-Quran, Hadith, Aqidah, Akhlaq, Fiqah, Sejarah Kebudayaan Islam dan Bahasa Arab.

Pelaksanaan pelajaran tulisan Arab Melayu dalam Kurikulum Sekolah Dasar menyatakan bahawa:

Pelajaran tulisan Arab Melayu wajib diajarkan dan ianya merupakan mata pelajaran yang berdiri sendiri, mulai diajarkan dari darjah III sampai darjah VI. Maka pelajaran ini mendapat masa 90 minit untuk tujuan tersebut (Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia 1994:17-18)

Seterusnya dinyatakan lagi:

*Pelajaran tulisan Arab Melayu hendaklah diteruskan dengan tujuan memahirkan murid-murid menulis dan membaca tulisan Arab Melayu. Latihan menulis dan membaca hendaklah diadakan dari semasa ke semasa dengan memasukkan bahan dalam bahagian dan kefahaman serta karangan”* (Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia 1994:18-19).

Selanjutnya, mulai tahun 1997 terdapat perubahan dalam kurikulum pendidikan apabila pelajaran tulisan Arab Melayu dimasukkan ke dalam Penilaian Belajar Tahap Akhir (EBTA). Berdasarkan pekeliling tersebut, jelas menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan dan melestarikan khazanah budaya daerah merupakan satu aspek yang penting dan perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia.

Sebagai usaha untuk mengembalikan kegemilangan dan membudayakan penggunaan pelajaran tulisan Arab Melayu diperingkat sekolah dasar khasnya dan dalam kalangan masyarakat umumnya, Departemen Pendidikan Propinsi Riau (DPPR) telah mengambil satu pendekatan yang proaktif. Di mana departemen pendidikan telah mengedarkan surat pekeliling (No 24. KPTS/KEP/P/1994 bertarikh 18 Mac 1994) kepada semua Kantor Departemen Pendidikan dan Kebudayaan

Kabupaten, Kota Madya seluruh Peropensi Riau untuk memaklumkan tentang pelaksanaan penerapan kurikulum di Sekolah Dasar (SD) dan di semua Madrasah Ibtida'iyyah (MI) (Departemen Pendidikan Provinsi Riau 1994). Salah satu aspek yang penting dalam kurikulum tersebut adalah pelaksanaan pelajaran tulisan Arab Melayu. Selain daripada itu, Departemen Pendidikan juga turut mengedarkan buku-buku panduan seperti buku teks *Canang*, buku sumber dan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada setiap daerah. Pada tahun 2010, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) dan Dinas Pendidikan mengeluarkan surat edaran berhubung penyeragaman dalam penggunaan buku teks bagi pelajaran tulisan Arab Melayu di peringkat pendidikan Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtida'iyyah (MI). Pendidikan pelajaran tulisan Arab Melayu telah dirangka dan dilaksanakan dengan objektif utamanya adalah untuk membantu murid-murid menguasai pelajaran tulisan Arab Melayu pada peringkat Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtidaiyyah (MI). Pelajaran tulisan Arab Melayu diajarkan bermula darjah III hingga darjah VI di Kota Batam Indonesia.

Kesedaran untuk mempertahankan tulisan Arab Melayu adalah perlu memandangkan sistem tulisan ini pernah menjadi wadah perhubungan utama masyarakat di seluruh kepulauan Nusantara (Muhammad Bukhari Lubis 2006). Tulisan Arab Melayu yang turut dikenali sebagai tulisan Jawi mempunyai peranan penting dan telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan Bahasa Melayu di Nusantara terutama pada abad ke-16 dan ke-17 Masihi. Pada ketika itu, tulisan Arab Melayu mampu berperanan sebagai perantara yang cukup dominan dalam bidang persuratan Melayu. Tulisan Arab Melayu yang muncul seiring dengan kedatangan Islam bukan hanya merangsang perkembangan bahasa dan persuratan Melayu, malahan tulisan tersebut berjaya membentuk konsep bangsa Melayu sebagai bangsa yang mempunyai identiti tersendiri (M. Husnan Lubis 2006). Perkembangan institusi sekolah telah mempercepatkan lagi proses penyebaran ilmu dan pembasmian buta huruf dalam kalangan masyarakat tempatan. Terdapat banyak buku ditulis dan diterbitkan dalam bidang pendidikan Islam dan karya-karya bidang lain. Keadaan ini mendorong para ilmuan untuk menjadi lebih

produktif dalam penulisan mereka. Kebanyakan karya diterbitkan dalam tulisan Arab Melayu dan keadaan ini menjadi faktor yang mendorong penggunaan tulisan Arab Melayu berkembang luas dalam kalangan masyarakat awam dan pelajar.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penguasaan tulisan Arab Melayu sangat menurun dan hampir dilupakan oleh sebahagian pelajar, malah sebahagian daripada mereka menganggap pelajaran tulisan Arab Melayu adalah tidak penting. Keadaan ini mencabar guru untuk terus meneroka dan mempertahankan warisan budaya Nusantara ini serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tulisan ini di peringkat Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtidaiyyah (MI) sehingga dapat mengangkat pelajaran tulisan Arab Melayu setaraf dengan mata pelajaran lain. Secara umumnya, visi dan misi Dinas Pendidikan Kota Batam, Indonesia adalah inspirasi warga pendidik agar meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu (Dinas Pendidikan Kota Batam 2012). Keadaan ini juga turut mencabar para guru untuk berusaha meningkatkan kualiti pengajaran pelajaran tulisan Arab Melayu, agar dapat menarik minat pelajar untuk kembali mempelajarinya. Hal ini pastinya boleh dilaksanakan dengan baik sekiranya guru dapat mengenal pasti masalah yang mereka hadapi serta memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Menjejaki perkembangan program pelajaran tulisan Arab Melayu dalam sistem pendidikan, situasi kini banyak mencabar guru untuk terus menerokai, menguasai kandungan dan juga cara pengajarannya di dalam bilik darjah. Tety Kurmalasari (1998) menyatakan bahawa masalah pelaksanaan tulisan Arab Melayu dalam kalangan pelajar sekolah semakin merosot sejak diperkenalkan kurikulum program pelajaran tulisan Arab Melayu di peringkat sekolah dasar. Beliau mengaitkan masalah ini dengan beberapa perkara antaranya, kurangnya penghayatan dalam kalangan pelajar dan guru terhadap kepentingan melestarikan budaya daerah tersebut, kurangnya kursus dan latihan yang diberikan oleh Dinas Pendidikan serta kekurangan infrastruktur sumber dan kemudahan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu. Sementara itu, kajian yang telah dijalankan oleh Universitas

Maritim Raja Ali Haji (2010) pula mendapati bahawa mutu pendidikan di Kepulauan Riau dan Batam, Indonesia secara keseluruhannya didapati berada pada tahap rendah, sedangkan Kota Batam, Indonesia merupakan salah satu bandar yang maju di Indonesia. Kajian ini juga mendapati bahawa yuran pendidikan di Kota Batam, Indonesia adalah dalam golongan yang tinggi namun pencapaian yang masih belum memuaskan. Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan masalah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tulisan Arab Melayu yang menjadi fokus utama dalam kajian ini.

### TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui secara eksplisit masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah dan mengenal pasti kaedah pelaksanaan oleh guru dalam pengajaran mata pelajaran tersebut.

### METODOLOGI

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Pemilihan kedua-dua pendekatan ini dapat mengurangkan potensi berat sebelah (bias) dalam kajian yang terjadi disebabkan oleh satu pendekatan sahaja (Sprinthall et al. 1991). Pendekatan kuantitatif dan kualitatif ini digunakan untuk menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelajaran Arab Melayu di Madrasah Ibtida'iyyah (MI) menerusi item soal selidik dan instrumen pencerapan berstruktur pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran guru.

Instrumen soal selidik yang digunakan adalah ubah suaian dari kajian Maimun Aqsha Lubis (2012). Soal selidik telah dirintis dengan nilai alpha cronbach bagi masing-masing konstruk, iaitu Masalah Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ( $\alpha=0.829$ ) dan Pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran ( $\alpha=0.755$ ). Data dikumpulkan dengan menggunakan set soal selidik terhadap 45 orang responden yang mengajar program pelajaran tulisan Arab Melayu dari 21 buah Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia yang dipilih secara rawak.

Memandangkan populasi hanya berjumlah 45 orang maka semua guru dijadikan sampel kajian. Pengkaji mengambil kira pandangan Gay dan Airasian (2003) yang menyatakan bahawa bagi populasi yang kecil, pengumpulan data perlu diambil daripada keseluruhan populasi.

Seterusnya pencerapan berstruktur berasaskan item-item dalam soal selidik turut dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap lima orang responden dengan tiga kali pencerapan bagi setiap responden. Purata min dijalankan terhadap item yang pelbagai berdasarkan item-item soal selidik. Tujuannya adalah bagi mengenal pasti kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru-guru pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah di Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia. Pencerapan berstruktur ini menggunakan Borang Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran hasil kajian oleh Maimun Aqsha Lubis (2012) untuk melihat langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran guru pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah yang mengandungi elemen perancangan, set induksi, pendekatan, kaedah, teknik pengajaran, penilaian, penutup dan penilaian keseluruhan dengan skala 1 hingga 4. Penganalisisan data soal selidik dan pencerapan dilakukan secara deskriptif bagi menjawab persoalan kajian. Data untuk soal selidik dianalisis secara terperinci berdasarkan min, sisihan piawai dan purata min untuk mengukur tahap yang digambarkan oleh setiap bahagian.

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis di bahagian ini difokuskan kepada profil responden kajian dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah.

### PROFIL RESPONDEN

Kajian ini melibatkan seramai 45 orang responden pelajaran tulisan Arab Melayu di Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia yang terdiri daripada 14 orang (33.1%) responden lelaki dan 31 orang (68.9%) responden perempuan. Majoriti mereka berkelulusan Sarjana Muda iaitu seramai 41 orang (97.8%) dan seorang berkelulusan

Sarjana (2.2%). Dari segi bidang pengajian pula, majoriti responden berkelulusan bidang akademik Pendidikan Islam, iaitu seramai 21 orang (46.7%), berkelulusan bidang akademik umum seramai 6 orang (13.3%), berkelulusan bidang Syariah seramai 5 orang (11.1%), bidang agama umum seramai 4 orang (8.9%), berkelulusan Bahasa Arab 1 orang (2.2%), dan lain-lain bidang seramai 8 orang (17.8%). Seterusnya dari segi pengalaman mengajar, didapati bahawa 11 orang responden (24.4%) tidak mempunyai pengalaman mengajar, 17 orang (37.8%) berpengalaman 1 hingga 3 tahun, berpengalaman 4 hingga 6 tahun seramai 7 orang (15.6%) dan berpengalaman mengajar selama 7 tahun ke atas adalah seramai 10 orang (22.2%).

Masalah Utama dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pelajaran Tulisan Arab Melayu.

Dapatan kajian berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh responden, dianalisis menggunakan interpretasi skala seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Merujuk kepada Jadual 1, skala 1.00-1.80 bermaksud sangat tidak setuju, skala 1.81-2.60 bermaksud tidak setuju dan skala 2.61-3.40 adalah tidak pasti. skala 3.41-4.20 pula membawa maksud setuju, manakala skala 4.21-5.00 adalah sangat setuju.

Skala	Interpretasi
4.21-5.00	Sangat Setuju
3.41-4.20	Setuju
2.61-3.40	Tidak Pasti
1.81-2.60	Tidak Setuju
1.00-1.80	Sangat Tidak Setuju

Sumber: Maimun Aqsha (2006)

Berdasarkan interpretasi skala, persepsi responden berhubung masalah utama yang dihadapi oleh pihak guru yang terlibat dalam pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu memberi gambaran yang rata-rata tidak pasti sama ada mereka menghadapi masalah ataupun tidak dalam melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu ( $\text{min}=2.82$  sp 1.66). Berdasarkan Jadual 2, responden rata-rata bersetuju dengan kenyataan yang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk melaksanakan pengajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu (item 1,  $\text{min}=3.69$ ). Namun begitu, mereka tidak bersetuju bahawa mereka kurang berminat untuk melaksanakan program

pelajaran tulisan Arab Melayu (item 2,  $\text{min}=2.20$ ). Mereka juga tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka tidak dapat melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu dengan baik, walaupun dalam keadaan sibuk sebab sering diberi tugas sampingan (item 3,  $\text{min}=2.42$ ), tetapi mereka tidak pasti apakah mereka memahami sukatan pelajaran, pelajaran tulisan Arab Melayu ataupun sebaliknya (item 4,  $\text{min}=2.69$ ).

Responden juga tidak pasti sama ada tempat untuk merujuk sebarang masalah berhubung pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu ada atau pun sebaliknya (item 5,  $\text{min}=3.00$ ). Namun, responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pihak sekolah kurang memberikan kerja sama dalam melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu (item 6,  $\text{min}=2.24$ ), responden juga tidak pasti apakah mereka masih keliru atau sebaliknya dalam melaksanakan pengajaran pelajaran tulisan Arab Melayu (item 7,  $\text{min}=3.35$ ). Mereka juga masih belum pasti apakah mereka sudah bersedia untuk melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah ataupun sebaliknya (item 8,  $\text{min}=2.64$ ). Begitu juga dengan kenyataan bahawa guru pendamping kurang membantu dalam meningkatkan prestasi pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu (item 9,  $\text{min}=2.53$ ), tetapi mereka bersetuju bahawa mereka tidak mahir mengajar pelajaran tulisan Arab Melayu kerana belum ada satu pengajaran yang sudah standard dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (item 10,  $\text{min}=3.22$ ). Dengan kata lain, kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada mereka menghadapi masalah yang serius atau sebaliknya dalam melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu di Madrasah Ibtidaiyah.

Secara umum, fokus utama yang dibincangkan adalah merujuk kepada permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru pelajaran tulisan Arab Melayu dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Permasalahan tersebut dapat dirumuskan kepada empat aspek iaitu pengetahuan, kesediaan guru mengajar, sokongan dan kemahiran.

Dalam aspek pengetahuan (item 1, 4 dan 8), dapatan menunjukkan bahawa guru-guru

JADUAL 2. Masalah yang Dihadapi oleh Guru Pelajaran Tulisan Arab Melayu

Item	Kat	Masalah yang dihadapi guru	Min	sp	Purata Min (sp)
1	Pengetahuan	Saya tidak mempunyai cukup pengetahuan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran program Pelajaran Tulisan Arab Melayu.	3.69	1.02	
4		Saya kurang memahami sukanan pelajaran yang terdapat dalam pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu.	2.69	1.26	3.00 (3.13)
8		Saya masih keliru untuk melaksanakan pengajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu.	2.64	1.00	
2	Kesediaan	Saya kurang minat untuk mengajar pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu.	2.20	1.08	2.20 (1.08)
3		Saya tidak dapat melaksanakan tugas pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu dengan baik kerana sering diberi tugas sampingan.	2.42	1.27	
5	Sokongan	Saya tidak ada tempat untuk merujuk sebarang masalah pengajaran dan pembelajaran pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu.	3.00	1.19	
6		Pihak sekolah kurang memberi kerjasama sepenuhnya bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu.	2.24	1.05	2.74 (1.09)
7		Saya ada masalah dalam mengendalikan murid dalam pelaksanaan program pelajaran tulisan Arab Melayu	3.53	0.97	
9		Guru pendamping kurang membantu dalam meningkatkan prestasi pengajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu.	2.53	0.97	
10	Kemahiran	Saya tidak mahir mengajar tulisan Arab Melayu kerana belum ada satu pengajaran yang sudah standard dalam Pengajaran dan Pembelajaran di dalam bilik darjah.	3.22	1.26	3.22 (1.26)
Min Keseluruhan			2.82	1.66	

pelajaran tulisan Arab Melayu tidak pasti sama ada mereka mempunyai cukup pengetahuan untuk melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu ataupun tidak (purata min=3.00). Oleh itu, mereka perlu berusaha untuk memahami sukanan pelajaran program tulisan Arab Melayu dan menumpukan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan lagi pengetahuan berhubung dengan kandungan pelajaran tulisan Arab Melayu serta mengatasi kekeliruan yang mereka hadapi. Dalam hal ini, guru memerlukan pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) kerana melaluinya guru dapat memberikan pengajaran yang lebih teratur dan berkesan. Pengetahuan isi kandungan sesuatu pelajaran oleh guru mestilah mantap, tepat dan dapat memberi manfaat kepada pelajar (al-Qardawiy 2000). Para guru harus mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan bersesuaian dengan mata pelajaran yang

hendak diajar dan mempelajari kaedah terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar (Muhammad Qutb 2004). Dalam aspek kesediaan guru mengajar pula (item 2), dapatan menunjukkan bahawa guru-guru belum bersedia sepenuhnya untuk mengajar program pelajaran tulisan Arab Melayu (purata min=2.20).

Seterusnya dalam aspek sokongan (item 3, 5, 6, 7 dan 9), dapatan keseluruhannya menunjukkan sokongan daripada pihak sekolah dalam pelaksanaan pelajaran tulisan Arab Melayu (purata min=2.74) adalah belum memuaskan. Justeru pihak sekolah disarankan agar memberi kerjasama yang sewajarnya kepada guru-guru pelajaran tulisan Arab Melayu agar mereka dapat melaksanakan program pelajaran tulisan Arab Melayu dengan baik. Selain itu, peranan guru pendamping juga adalah perlu untuk membantu guru-guru program pelajaran tulisan Arab Melayu

supaya mereka dapat meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran tulisan Arab Melayu. Bagi mengatasi semua masalah ini, para guru disarankan agar menguasai pengetahuan pedagogik am iaitu pengetahuan generik tentang teori dan teknik mengajar secara am tanpa mengkhususkan kepada mata pelajaran tertentu (Magnusson et al. 1999). Seseorang guru juga perlu belajar cara mengajar dan mahir menggunakan kaedah, strategi atau teknik yang sesuai (Wiseman 2007). Melalui pengetahuan ini mereka dapat menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak-pihak lain.

Sementara itu, bagi aspek kemahiran (item 10), dapatkan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kemahiran untuk mengajar pelajaran tulisan Arab Melayu (purata min 3.22). Keadaan ini memberi gambaran bahawa aspek ini boleh ditingkatkan lagi dengan mengadakan satu model pengajaran yang standard dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan penggunaan teknik multimedia bagi meningkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran. Menurut Tuckman (1995) sikap seorang guru akan menentukan darjah keseronokan guru mengajar dan ketekunannya dalam proses pengajaran. Seorang guru yang mempercayai bahawa mengajar adalah suatu tugas yang menarik, menyeronokkan dan bermanfaat akan lebih produktif serta mempunyai komitmen yang tinggi dan berdedikasi dalam tugasnya.

#### ANALISIS PENCERAPAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJARAN TULISAN ARAB MELAYU DI BILIK DARJAH

Skala pengukuran pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran guru program pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah adalah yang terkandung dalam Jadual 3. Skala yang digunakan ialah skala 1 (1.00-1.99) bermaksud pengajaran berada pada tahap lemah, skala 2 (2.00-2.99) untuk pengajaran pada tahap sederhana dan skala 3 (3.00-3.99) untuk pengajaran yang baik dan skala (4.00 hingga 5.00) untuk pengajaran yang cemerlang.

**JADUAL 3. Skala Pengukuran Pencerapan Pengajaran & Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu di dalam Bilik Darjah**

Skala	Nilai Purata	Maksud Skor Skala
1	1.00 sehingga 1.99	Lemah
2	2.00 sehingga 2.99	Sederhana
3	3.00 sehingga 3.99	Baik
4	4.00 sehingga 5.00	Cemerlang

Sumber: Maimun Aqsha (2006)

Pencerapan berstruktur ini menggunakan “Borang Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran” untuk melihat langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran guru pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah (Maimun Aqsha et al. (2010)). Langkah-langkah yang digunakan dalam borang tersebut diadaptasikan daripada langkah pengajaran eklektik sistematik oleh kajian Maimun Aqsha (2003) serta gabungan idea daripada penyelidik sendiri.

Set pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran tersebut terbahagi kepada tiga bahagian yang merangkumi beberapa bahagian kecil bagi setiap satu. Aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut:

- Aspek 1: Perancangan pengajaran (6 item).
- Aspek 2: Pelaksanaan pengajaran yang merangkumi set induksi (2 item), pendekatan (7 item), kaedah (7 item) dan teknik (5 item).
- Aspek 3: Penilaian, penutup serta penilaian keseluruhan, Penilaian merangkumi (4 item) penutup merangkumi (6 item) dan penilaian keseluruhan merangkumi (3 item).

Dapatkan analisis pencerapan dijalankan ke atas lima orang responden ini adalah berhubung dapatkan analisis pencerapan yang dijalankan ke atas lima orang responden. Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai purata bagi tiga kali pencerapan pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu bagi responden pertama di dalam bilik darjah. Secara keseluruhan, purata menunjukkan pengajaran responden pertama adalah baik dengan mendapat purata skor 1 (min=3.07). Hasil pencerapan bagi responden

pertama dapat dianalisis sebagai berikut: pencerapan kali pertama berada pada tahap baik dengan nilai purata min=3.15, begitu juga dengan pencerapan kali kedua berada pada tahap baik dengan purata nilai min=3.12. Namun pencerapan kali ketiga terdapat perubahan tahap iaitu berada pada tahap yang sederhana dengan nilai purata min=2.93. Min purata keseluruhan berada pada tahap sederhana dengan nilai purata min= 3.07

JADUAL 4. Nilai Purata bagi Tiga Kali Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu bagi responden pertama

Aspek penilaian	P1	P2	P3	Purata
Perancangan	3.50	3.33	3.33	3.38
Set Induksi	3.50	3.50	4.00	3.66
Pendekatan	3.00	3.00	2.33	2.77
Kaedah	2.67	2.67	2.50	2.67
Teknik Pengajaran	2.22	2.40	2.40	2.34
Penilaian	3.00	2.75	2.75	2.83
Penutup	3.67	3.67	2.83	3.39
Penilaian Keseluruhan	3.67	3.67	3.33	3.55
Purata	3.15	3.12	2.93	3.07
Purata Keseluruhan	3.07			

Jadual 5 menunjukkan nilai purata bagi tiga kali pencerapan pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu bagi responden kedua di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya purata menunjukkan pengajaran responden kedua berada tahap baik dengan mendapat purata skor nilai min=3.29. Hasil pencerapan dapatan bagi responden kedua ialah pencerapan kali pertama berada pada tahap baik dengan skor nilai min=3.31. Begitu juga dengan pencerapan kali kedua dan ketiga berada pada tahap baik dengan skor purata nilai min=3.28. Min purata keseluruhan berada pada tahap baik dengan nilai purata min=3.29

JADUAL 5. Nilai Purata bagi Tiga Kali Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu bagi Responden Kedua

Aspek penilaian	P1	P2	P3	Purata
Perancangan	3.00	3.00	3.20	3.06
Set Induksi	4.00	3.50	3.50	3.66
Pendekatan	3.50	3.50	3.50	3.35
Kaedah	2.75	2.75	2.75	2.75
Teknik Pengajaran	3.20	3.40	3.20	3.26
Penilaian	2.75	2.75	2.75	2.75
Penutup	3.67	3.67	3.67	3.67
Penilaian Keseluruhan	3.67	3.67	3.67	3.67
Purata	3.31	3.28	3.28	3.29
Purata Keseluruhan	3.29			

Jadual 6 menunjukkan nilai purata bagi tiga kali pencerapan pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu bagi responden ketiga di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya purata pengajaran beliau berada pada tahap sederhana dengan mendapat purata skor nilai min=2.83. Hasil pencerapan dapatan bagi responden ketiga mendapat bahawa: pencerapan kali pertama berada pada tahap sederhana dengan skor nilai min=2.84. Begitu juga dengan pencerapan kali kedua berada pada tahap sederhana dengan skor nilai min=2.86. Begitu juga pencerapan kali ketiga tahap pencapaian masih berada pada tahap yang sederhana dengan skor nilai min=2.80. Min purata keseluruhan berada pada tahap sederhana dengan nilai purata min= 2.83

JADUAL 6. Nilai Purata bagi Tiga Kali Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu bagi Responden Ketiga

Aspek penilaian	P1	P2	P3	Purata
Perancangan	3.50	3.33	2.82	3.21
Set Induksi	3.00	3.00	3.00	3.00
Pendekatan	2.67	2.67	2.67	2.67
Kaedah	2.75	2.50	2.50	2.58
Teknik Pengajaran	2.60	2.40	2.20	2.40
Penilaian	2.75	2.50	2.75	2.66
Penutup	2.17	2.83	2.83	2.61
Penilaian Keseluruhan	3.33	3.67	3.67	3.55
Purata	2.84	2.86	2.80	2.83
Purata Keseluruhan	2.83			

Jadual 7 menunjukkan nilai purata bagi tiga kali pencerapan pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu bagi responden keempat di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya purata menunjukkan pengajaran responden ini berada pada tahap baik dengan mendapat purata skor nilai min=3.14. Hasil pencerapan dapatan bagi responden keempat mendapat bahawa pencerapan kali pertama berada pada tahap baik dengan skor nilai min=3.14. Begitu juga dengan pencerapan kali kedua berada pada tahap baik dengan skor nilai min=3.31. Namun pencerapan kali ketiga terdapat perubahan tahap iaitu berada pada tahap yang sederhana dengan skor nilai min=2.96. Min purata keseluruhan berada pada tahap baik dengan nilai purata min= 3.14.

JADUAL 7: Nilai Purata bagi Tiga Kali Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu bagi Responden Keempat

Aspek penilaian	P1	P2	P3	Purata
Perancangan	3.50	3.00	3.50	3.33
Set Induksi	3.50	4.00	3.00	3.50
Pendekatan	3.00	3.5	2.66	3.05
Kaedah	2.66	2.75	2.75	2.72
Teknik Pengajaran	2.20	3.20	2.60	2.66
Penilaian	3.00	2.75	2.75	2.83
Penutup	3.66	3.66	3.16	3.49
Penilaian Keseluruhan	3.66	3.66	3.33	3.55
Purata	3.14	3.31	2.96	3.14
Purata Keseluruhan		3.14		

Jadual 8 menunjukkan bahawa nilai purata bagi tiga kali pencerapan pengajaran dan pembelajaran program pelajaran tulisan Arab Melayu bagi responden kelima di dalam bilik darjah. Secara keseluruhan purata menunjukkan bahawa pengajaran responden kelima berada pada tahap sederhana dengan mendapat purata skor nilai min=2.67. Hasil pencerapan dapatan bagi responden kelima mendapat bahawa pencerapan kali pertama berada pada tahap sederhana dengan skor nilai min=2.62. Begitu juga dengan pencerapan kali kedua berada pada tahap sederhana dengan skor nilai min=2.72. Begitu juga pencerapan kali ketiga tahap pencapaian masih berada pada tahap yang sederhana dengan skor nilai min=2.67. Min purata keseluruhan berada pada tahap sederhana dengan nilai purata min= 2.67.

JADUAL 8: Nilai Purata bagi Tiga Kali Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pelajaran Tulisan Arab Melayu bagi Responden Kelima

Aspek penilaian	P1	P2	P3	Purata
Perancangan	3.00	3.80	2.80	3.20
Set Induksi	3.50	3.50	3.50	3.50
Pendekatan	2.20	2.20	2.00	2.13
Kaedah	2.65	2.00	2.00	2.21
Teknik Pengajaran	2.30	2.00	2.70	2.33
Penilaian	2.00	2.50	2.00	2.16
Penutup	2.15	2.80	2.80	2.58
Penilaian Keseluruhan	3.22	3.00	3.60	3.27
Purata	2.62	2.72	2.67	2.67
Purata Keseluruhan		2.67		

Merujuk kepada purata pencerapan bagi kelima-lima responden dalam pengajaran pelajaran tulisan Arab Melayu mengikut faktor perancangan, pelaksanaan, set induksi, pendekatan, kaedah, teknik pengajaran, penilaian serta penutup dan juga penilaian, keseluruhan mendapat skor nilai

min=2.99 iaitu pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa semua aspek tersebut telah dilaksanakan oleh responden pada tahap sederhana. Namun begitu, menerusi hasil pencerapan dapat disimpulkan bahawa proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program tulisan Arab Melayu telah dilaksanakan dengan baik oleh responden walaupun pada tahap skor nilai sederhana. Oleh yang demikian, pelaksanaan langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang perlu diperbaiki. Walau bagaimanapun, pencerapan ini hanyalah melibatkan seramai lima orang responden sahaja. Namun, hasil yang diperoleh dengan tiga kali pencerapan bagi setiap guru dapat menggambarkan tahap kesesuaian langkah-langkah pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan Arab Melayu.

## KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, beberapa rumusan utama dapat disenaraikan berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi. Antaranya ialah aspek pengetahuan, kemahiran, minat dan sokongan dari pihak sekolah amat diperlukan dalam usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pelajaran tulisan Arab Melayu. Sehubungan itu, guru-guru disarankan agar menggunakan pelbagai strategi dan teknik seperti permainan dan nyanyian, pembelajaran di luar bilik darjah, latih tubi, dan kepelbagai strategi dan teknik dalam sesi pengajaran pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu bagi menghasilkan sesi Pengajaran dan Pembelajaran yang menarik, menyeronokkan dan mencapai objektifnya. Hal ini adalah kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkualiti dapat mendorong penyertaan pelajar secara aktif dalam sesi pembelajaran mereka. Aktiviti tersebut juga dapat mendorong dalam mengembangkan semangat belajar, memupuk nilai murni, menyeronokkan dan menimbulkan rasa cinta dan bangga terhadap pelajaran tulisan Arab Melayu. Di samping itu, guru juga perlu meningkatkan langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu agar sistematis serta boleh dijadikan sebagai garis panduan.

Kajian yang dijalankan ini juga telah memberi beberapa maklumat dan petunjuk berhubung

masalah yang dihadapi oleh para responden yang terdiri daripada guru-guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu di Madrasah Ibtida'iyyah (MI) Kota Batam, Indonesia. Di samping itu, daptan lain yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berhubung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu di dalam bilik darjah. Dapatan berhubung masalah yang dihadapi responden menjurus kepada kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru yang melaksanakan pengajaran pelajaran tersebut manakala dapatan daripada pencerapan pengajaran pula memperlihatkan tiga orang guru mengajar pada tahap baik, dua orang guru pada tahap sederhana dan tiada yang mengajar pada tahap cemerlang. Justeru, para guru perlu berusaha untuk menguasai kemahiran pedagogi khususnya kemahiran mengaplikasi langkah-langkah pengajaran yang sistematik dan berkesan seperti yang dicadangkan oleh Maimun Aqsha (2003), iaitu bermula dengan: (1) Perancangan, (2) Set induksi, (3) Penggunaan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, (4) Penilaian, (5) Penutup dan (6) Menjalankan penilaian keseluruhan di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran.

## RUJUKAN

- Al-Qardawiy, Yusuf 2000. *Al-Tarbiyyah 'ind al-Imam al-Shatibiyy*. Beirut. Mu'assasah al-Risalah lit-Taba'ah al-Nashr wa al-Tawzi.
- Departemen Pendidikan Provinsi Riau. 2012. *Surat Peketiling KPTS/KEP/P/1994*. <http://disdik.kepriprov.go.id/sdmi> (online report) Februari 10, 2012.
- Dinas Kependudukan dan Catatan Sipil. 2012. Perangkaan Penduduk Kota Batam 2012.
- Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia. 1994. *Pelajaran Arab Melayu Muatan Lokal Kurikulum Sekolah Dasar*. Jakarta.
- Dinas Pendidikan Kota Batam. 2012. *Profil SKPD*. (online report). <http://skpd.batamkota.go.id/pendidikan/datasekolah/>. Januari 12, 2012.
- Gay, L. R., & Airasian, P. 2003. *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*: (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Husnan Lubis, M 2006. *Perkembangan Tulisan Jawi di Utara Sumatra*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPINA), UiTM.
- Magnusson, S.J., Borko, H., & Krajcik, J.S. 1999. Nature, sources, and development of pedagogical content knowledge for science teaching. In *Science Teacher Knowledge*, edited by J. Gess-Newsome & Lederman, N. Dordrecht, The Netherlands: Kluwer Academic.
- Maimun Aqsha Lubis. 2003. *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Brunei*: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Maimun Aqsha Lubis. 2006. *Laporan Penyelidikan FRGS*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis. 2012. *Laporan Penyelidikan FRGS*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis. 2006. *Perkembangan tulisan Jawi di Utara Sumatra*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPINA), UiTM.
- Muhammad Qutb 2004. *Manhaj al-tarbiyyah alislamiyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Sprinthall, R.C. Schumutte, G.T. & Sirois, L. 1991. *Understanding Educational Research*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Tety Kurmalasari Ahmad Ibrahim. 1998. *Pelaksanaan Pengajaran Tulisan Arab Melayu dalam Kurikulum Muatan lokal pendidikan dasar*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tuckman, B.W. 1995. The Competent teacher. In *Teaching: Theory Into Practise*. Boston: Ally and Bacon.
- Universias Maritim Raja Ali Haji. 2010. *Kertas Penelitian Fakultas Ekonomi*. Laporan Tim peneliti Indeks Capaian Mutu Pendidikan (ICMP).
- Wiseman, E. 2007. *The Institutionalization of Organizational Learning: A neoinstitutional perspective*. Proceedings of OLKC 2007–“Learning Fusion”.
- Maimun Aqsha Lubis, Hamdan Arman dan Md Yusoff Daud\*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia
- Ikwan SE, MM  
Sekolah Tinggi Manajemen Informatika Komputer BUDIDARMA  
Medan  
Indonesia
- Sabariah Sulaiman  
Universiti Perguruan Sultan Idris  
Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan
- \*Pengarang Koresponden; email: mdyusoffdaud@gmail.com
- Diserahkan : 1 Oktober 2012  
Diterima : 5 Ogos 2013